


# Samaria Cutlery

## Utamakan Keperluan & Peningkatan Gaya Hidup Pengguna



KECINTAANNYA PADA SENI MEMBERI INSPIRASI YANG PENUH BERMAKNA UNTUK MELIBATKAN DIRI DENGAN PERNIAGAAN YANG MEMPUNYAI HUBUNG KAIT DENGAN PERASAAN DAN KEMANUSIAAN. SETIAP YANG CANTIK DI MATA FELICIA HOO PEMILIK SAMARIA CUTLERY SDN BHD, MAHU DIKONGSINYA DALAM BENTUK PRODUK DI BAWAH JENAMANYA.



Sebagai pelukis, saya melihat sesuatu secara keseluruhan, oleh itu saya mahu memberi peluang kepada pengguna untuk meningkatkan gaya hidup mereka menerusi pemilihan produk keluaran syarikat ini. Filosofi kami ialah dengan pilihan peralatan makan yang menarik mampu mengubah gaya penataan meja setiap hari," ujar Felli

Berpengalaman lebih 17 tahun dalam industri peralatan makan memberinya kelebihan untuk mengenal pasti apa yang terbaik untuk ditawarkan kepada pengguna.

### SEDIKIT LATAR BELAKANG SAMARIA CUTLERY SDN BHD

Samaria Cutlery Sdn Bhd memulakan pemiagaan lapan tahun lalu dengan lapan orang staf. Mula-mula syarikat ini khusus memborong bagi peralatan makan seperti sudu, garpu dan pisau makan serta peralatan memasak. Ketika itu orang menggelar saya sebagai Cutlery Queen. Peralatan makan ini terdiri daripada pelbagai paten dan jenis. Produk kami berbeza dengan syarikat pemborong lain daripada aspek kualiti.

Produk keluaran syarikat kami mempunyai jenama tersendiri bagi menunjukkan keistimewaan daripada produk yang ada di pasaran. Bagi peralatan makan ia di bawah label felli manakala untuk pisau dapur di bawah label Samaria. Kedua item utama ini dihasilkan begitu artistik. Produk syarikat kami dibekalkan untuk kebanyakan gedung membeli-belah utama di Malaysia dan kami juga yang menentu house brand untuk gedung membeli-belah itu.

### APAKAH YANG MENDORONG MINAT ANDA UNTUK TERLIBAT DALAM INDUSTRI BERKENAAN?

Tujuan asalnya ialah mahu berkongsi minat dengan pengguna bagaimana untuk menghargai peralatan makan yang berkualiti. Pilihan yang tepat akan meningkatkan gaya hidup seseorang. Memandangkan peralatan makan merupakan kegunaan harian, saya mahu pengguna menikmati satu suasana yang harmoni di ruang makan dengan pilihan peralatan makan yang sempurna. Oleh itu saya mahu kongsi kehairahan dan kesukaan tentangnya dengan pengguna.

Apabila menyentuh dan menggunakan peralatan makan keluaran Samaria, anda dapat tentukan ia lebih dari sekadar peralatan makan, ia berkaitan dengan perasaan dan kehidupan yang berkualiti. Sudu yang sempurna mempunyai kesan rasa yang tersendiri. Sudu dan garpu yang dibeli mestilah selesa ketika dipegang. Jika ia terlalu nipis atau tebal, ia boleh menyebabkan luka atau tidak selesa ketika menikmati sajian. Oleh itu ada cerita di sebaliknya. Saya sentiasa berfikir meja makan perlu menonjolkan keharmonian. Prihatin akan keperluan dan kehendak pengguna, maka tercetuslah Samaria Cutlery.

### APAKAH VISI DAN MISI UNTUK SYARIKAT?

Visi yang utama ialah mahu jenama ini dikenali ramai. Bila ingat peralatan makan, mereka akan ingat jenama Felli. Ia membawa perasaan yang harmoni dan mencerikan kepada keluarga yang menggunakan peralatan makanan keluaran syarikat kami.

Misi kami ialah mempunyai interaksi yang baik dengan pengguna. Staf dilatih untuk memahami apa yang dikehendaki oleh pengguna. Kami memberitahu mereka bagaimana untuk menghargai produk.

### APAKAH PRINSIP DIAMALKAN UNTUK BERJAYA?

Keikhlasan itu amat penting. Bagi saya setiap produk yang ditawarkan kepada pengguna semestinya memberi manfaat dan praktikal digunakan. Apabila pelanggan berpuas hati dengan produk yang ditawarkan ia membawa kepada keharmonian sebuah keluarga seterusnya menjana pendapatan syarikat.

### APAKAH PRODUK-PRODUK PENGELUARAN SAMARIA CUTLERY SDN BHD?

Syarikat kami mengetengahkan produk antaranya sudu dan garpu, pisau untuk kegunaan di dapur, mug lukisan tangan, set makan seramik, dulang, peralatan hidangan dan produk kelengkapan untuk makan.

Himpunan peralatan makan di Samaria Cutlery menitikberatkan kualiti, gaya elegan dan berfungsi baik untuk pengguna nikmatinya pada setiap hari. Peralatan makan ini direka menggunakan keluli tahan karat 18-10 atau 18-0 yang berkualiti tinggi dengan kemasan yang indah dan tahan lama.

### BAGAIMANAKAH ANDA MENJADIKAN SYARIKAT INI KUKUH HINGGA KINI?

Kami mengamalkan sikap ikhlas kepada setiap pelanggan dengan menawarkan produk yang berbaloi serta harga yang berpatutan dan mampu miliki. Oleh itu kami mempunyai pelanggan yang berulang kerana mereka sudah yakin dengan produk serta kualiti yang kami tawarkan.

Saya sering percaya pada kemampuan diri staf kerana setiap orang mempunyai potensi diri masing-masing. Apabila kepercayaan diberikan kepada mereka, dengan sendiri mereka merasa lebih bertanggungjawab dan merasakan pemiagaan tersebut ialah milik mereka.

### APAKAH RESIPI KEJAYAAN SYARIKAT ANDA UNTUK MEMENANGI HATI DAN MEMAHAMI KEPERLUAN PELANGGAN?

Rekaan kami menepati konsep dan keperluan masyarakat. Setiap rekaan produk kami bertujuan untuk meningkatkan gaya hidup masyarakat dengan mengikuti trend semasa.

### APAKAH JALAN PENYELESAIAN APABILA BERHADAPAN DENGAN CABARAN?

Tiada masalah yang tidak dapat diselesaikan. Dengan komunikasi yang betul dan sikap toleransi, masalah itu akan atasi bersama. Kami akan bermesyuarat dan bersama-sama mencari penyelesaian bagi masalah tersebut.

### APAKAH KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN YANG MEMBANGGAKAN ANDA DAN SYARIKAT?

Kejayaan yang membanggakan ialah syarikat ini mampu bertahan hingga kini dan produk kami diterima umum. Saya bangga dengan pekerja saya yang dedikasi terhadap kerja mereka hingga menjadikan kami masih bertapak dalam industri ini.

### APAKAH PERANCANGAN ANDA DALAM MASA LIMA TAHUN AKAN DATANG?

Lima tahun lagi saya berhasrat memiliki kedai yang menjual barangan keperluan kediaman yang berkonsep lifestyle store bertempat di kawasan perumahan elit. Selain itu kami juga telah memulakan pemiagaan menerusi e-commerce di mana pengguna boleh mendapatkan produk kami dengan mudah menerusi sistem ini.

### SIAPAKAH PENDORONG UTAMA KEJAYAAN ANDA?

Minat menjadi pendorong utama kejayaan saya dalam industri ini. Saya gembira dengan apa yang saya lakukan dan bertuah kerana dikelilingi staf yang memahami jiwa dan hasrat untuk bersama-sama memajukan syarikat.

